

# Rebat telefon pintar ringankan beban siswa

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana memperkenalkan skim rebat telefon bimbit. Pada hari ini juga lambakan promosi jualan telefon pintar dijual dan ini menjadikan jumlah permintaan untuk memiliki gajet semakin meningkat.

Kerajaan mengambil inisiatif dengan membuka peluang kepada rakyat Malaysia dalam Pakej Komunikasi Belia (PKB) bagi memiliki telefon pintar 3G. Dengan adanya pemberian rebat RM200 kepada golongan belia berumur 21 hingga 30 tahun yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, golongan ini mampu memilikinya dengan harga yang lebih rendah.

“

*Telefon pintar ini dapat meringankan beban pelajar untuk mengakses internet dengan mudah tanpa perlu membawa komputer riba ke mana-mana”*

## **Pakej bantu pelajar**

Sebagai pelajar universiti, saya melihat pemberian rebat ini dapat membantu pelajar menggunakan telefon pintar yang mempunyai banyak aplikasi mudah. Pelajar

boleh memuat turun aplikasi yang bersesuaian dan dapat membantu dalam pembelajaran mereka. Sebagai contoh, pelajar boleh mengulang kaji pelajaran dengan membaca nota yang berbentuk Microsoft Word, Power Point dan PDF dengan hanya menggunakan telefon pintar.

Dengan wujudnya telefon pintar ini juga dapat meringankan beban pelajar untuk mengakses internet dengan mudah tanpa perlu membawa komputer riba ke mana-mana. Selain itu, dengan adanya pelan internet, mereka boleh mencari maklumat dengan mudah tanpa perlu mengharapkan wifi yang hanya berada di tempat tertentu saja.

## **Capai status negara maju**

Walaupun pemberian rebat RM200 ini memerlukan pelajar untuk melanggan pelan internet, syarikat telekomunikasi yang melaksanakan skim PKB menyediakan pelbagai jenis pakej yang boleh dipilih dengan harga yang berpatutan seiring dengan mereka yang berstatus pelajar.

Dalam konteks yang lebih besar, skim ini adalah satu langkah yang baik bagi membantu Malaysia untuk mencapai status negara maju setanding dengan negara lain.

## **Nur Elia Husna Mohd Khair**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia